

26hb. Mei, 1976.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 7 TAHUN 1976

Penerangan Terhadap Masalah Pelaksanaan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28 Tahun 1975 mengenai Perubahan Tanggungaji Juruteknik.

Adalah saya diarah merujuk kepada perkara di atas dan di bawah ini adalah penerangan terhadap beberapa masalah yang berbangkit mengenai pelaksanaan [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 28/75](#):-

(1) Tanggagaji setelah lulus Peperiksaan Percubaan dan disahkan ke dalam jawatan.

Adalah diputuskan bahawa semua Juruteknik yang dilantik atas Tanggagaji Bersih berkelayakan mendapat \$325/- apabila lulus peperiksaan percubaan dan disahkan ke dalam jawatan. Tarikh kuatkuasa secara sebenar bagi perubahan ini adalah mulai 1hb. Jun, 1975. Tunggakan boleh dibayar mulai dari tarikh ini.

(2) Juruteknik Sementara:

Juruteknik Sementara yang telah menduduki peperiksaan percubaan yang sama dengan peperiksaan Juruteknik Tetap juga layak mendapat \$325/- apabila mereka lulus peperiksaan tersebut. Tarikh kuatkuasa secara sebenar perubahan ini adalah juga 1hb. Jun, 1975.

(3) Tanggagaji jawatan Penyelia Parlimen:

Adalah diputuskan bahawa tanggagaji sekarang bagi Penyelia Parlimen \$720x40-840 adalah juga terlibat dengan Pekeliling Perkhidmatan 28/75. Oleh itu tanggagaji bagi jawatan ini sekarang ialah \$760x40-880. Tarikh kuatkuasa perubahan ini ialah 1hb. Mei, 1975.

Saya yang menurut perintah,

(AHMAD BIN NAYAN)
bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah

Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Semua ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri.

s.k. Akauntan Negara Malaysia.
 Juru Odit Negara, Malaysia.
 Setiausaha Agung,
 Kesatuan Perkhidmatan Teknik,
 Malaysia.